



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 19 OGOS 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	LEBIH 2 JUTA TRANSAKSI TANPA TUNAI DI OUTLET FAMA, NEGARA, KOSMO-16	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
2.	FAMA YAKIN CAPAI 4 JUTA TRANSAKSI TANPA TUNAI, NASIONAL, SH-9	
3.	BANCI PERTANIAN, KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN, NASIONAL, SH-11	LAIN-LAIN
4.	92,000 TEMPAT KEDIAMAN TERLIBAT BANCI PERTANIAN 2024 DI TERENGGANU, NASIONAL, SH-18	
5.	PASANG 5,000 CCTV, BISNES, HM-8	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Ramai pelanggan kini beralih kepada bayaran secara *cashless*

Lebih 2 juta transaksi tanpa tunai di outlet FAMA

Oleh MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS

SHAH ALAM – Lebih 2.06 juta transaksi pembelian barangan tanpa tunai direkodkan di tapak perniagaan kelolaan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) setakat Jun lalu.

Pengarah Kanan Pembangunan Institusi Pemasaran FAMA, Isa Hamzah berkata, jumlah itu memberangsangkan kerana melepasi sasaran yang ditetapkan di bawah program Go-Cashless yang bermula Oktober tahun lalu iaitu sebanyak sejuta transaksi sehingga Disember ini.

"Jumlah sasaran ini dicapai kerana majoriti rakyat Malaysia kini lebih suka membeli barang tanpa tunai.

"Melihat situasi itu, kami jangkaan jumlah transaksi tanpa tunai akan mencecah empat juta hujung tahun ini," katanya selepas menghadiri program Go-Cashless Pasar Tani Negeri Selangor di Pasar Tani Stadium Shah Alam, di sini semalam.

Menurut Isa, transaksi tanpa tunai paling tinggi dicatatkan pada Julai tahun lalu iaitu sebanyak 61,106 transaksi di Pasar Tani Putrajaya.

Sehubungan itu, jelas beliau, FAMA akan terus mempromosikan program Go Cashless agar



ISA (dua dari kiri) melihat seorang pengunjung membuat bayaran menggunakan kod QR di Pasar Tani Stadium Shah Alam di Seksyen 13, Shah Alam semalam.

lebih banyak urusan jual beli tanpa tunai dapat dicatatkan seiring dengan peredaran masa.

"Setakat ini, 50 peratus daripada 10,000 peniaga Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR), Agrobazaar Rakyat (ABR), pasar tani kekal

dan pasar tani yang menawarkan pembelian produk mereka menggunakan kod QR.

"Ada sebahagian peniaga yang masih selesa menjalankan urusan niaga secara tunai kerana mahu wang tunai dalam tangan.

"FAMA menghormati cara mereka mengurus niaga dan tidak akan memaksa mereka menukar berurusniaga. Kami hanya menggalakkan mereka menggunakan kod QR yang disediakan oleh FAMA," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/08/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	9

FAMA yakin capai 4 juta transaksi tanpa tunai

SHAH ALAM - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yakin mampu mencapai sehingga empat juta transaksi tanpa tunai dilakukan di semua peruncit atau outlet pemasarannya di seluruh negara sehingga hujung tahun ini.

Pengarah Kanan Pembangunan Institusi Pemasarannya, Isa Hamzah berkata, keyakinan itu berasas selepas pelaksanaan program Go Cashless dilakukan bersama Paynet Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet) tersebut mencapai 2.6 juta transaksi setakat Jun lalu.

Menurutnya, jumlah tersebut melepasi sasaran awal iaitu sebanyak sejuta transaksi di kesemua outlet FAMA terpilih yang menyertai program bagi memacu agenda mentransformasikan usahawan ke arah digital sesuai dengan ledakan perkembangan teknologi masa kini.

"Buat masa ini program Go Cashless melibatkan 15 Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR) dan Agrobazaar Rakyat (ABR), empat Pasar Tani Kekal (PTK) dan lima pasar tani terpilih di seluruh negara.

"Berdasarkan rekod, Putrajaya merekodkan transaksi tanpa tunai paling tinggi pada Julai lalu iaitu lebih 61,000. Kita yakin jumlahnya akan terus meningkat melihat kepada perkembangan sangat positif ini.

"Buat masa ini pelaksanaan program lebih kepada memberi galakan kepada usahawan di bawah seliaan FAMA untuk beralih menggunakan kemudahan jualan tanpa tunai di premis-premis mereka selaras dengan perkembangan teknologi semasa," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Program Go Cashless Pasar di Pasar Tani Stadium Shah Alam, di sini pada Ahad.

Program Go Cashless mula diperkenal pada Oktober tahun lalu, dengan pelaksanaannya dibuat melalui dua fasa dan dijadual berakhir Disember 2024.

Sementara itu, ditanya mengenai peratusan penggunaan transaksi tanpa tunai di PTK dan pasar tani di bawah seliaannya, Isa berkata, ia mencapai 50 peratus.

Jelasnya, jumlah tersebut dijangka meningkat dengan mengambil kira kebanyakan rakyat ketika ini semakin memilih untuk berbelanja melalui transaksi tanpa tunai.

"Secara keseluruhan ketika ini kita mempunyai kira-kira 10,000 peniaga di seluruh negara dan diharap mereka memanfaatkan kemudahan yang diperkenalkan ini bagi mengembangkan lagi perniagaan masing-masing," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/08/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	11



**BANCI 2024
PERTANIAN**
KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN

Sinar
Harian

interview.

Nazaria Baharudin
Timbalan Pesuruhjaya
Banci Pertanian 2024

ISNIN | 19 OGOS 2024
8.30 MALAM

**BANCI PERTANIAN,
kunci kemajuan pertanian.**

92,000 tempat kediaman terlibat Banci Pertanian 2024 di Terengganu

BESUT - Lebih 92,000 tempat kediaman dan 480 pertubuhan perniagaan yang melaksanakan aktiviti pertanian terlibat dalam pelaksanaan Banci Pertanian

2024 di seluruh Terengganu. Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, sebanyak 55,815 tempat kediaman (60.4 peratus) dan 363

Pesuruhjiaya Banci, pelaksanaan banci di tempat kediaman pertanian pula melibatkan 18,322 iaitu bersamaan 19.8 peratus. "Hasil bancian tersebut menunjukkan subsektor tanaman adalah penyumbang tertinggi kepada sektor pertanian iaitu 69.0 peratus.

"Ia diikuti subsektor ternakan (24.2 peratus), subsektor perikanan (6.5 peratus) serta subsektor perhutanan dan perikanan (0.2 peratus)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika pemberita selepas lawatan Pengoperasian dan Pemantauan Banci Pertanian di Ayana Agro-tech Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (Tanaman Melon Manis) di Kampung Tok Dor di sini pada Ahad.

Menurutnya, Hulu Terengganu merekodkan peratus tempat kediaman selesai dilawati tertinggi iaitu 75.1 peratus, Kemaman (72.0 peratus), Dungun (69.5 peratus), Kuala Terengganu (63.2 peratus), Besut (60.9 peratus), Setiu (53.3 peratus), Kuala Nerus (46.1 peratus) dan Marang (45.1 peratus).

Jelas beliau, Besut men-

catkan peratus tempat kediaman pertanian tertinggi sebanyak 30.9 peratus, diikuti Hulu Terengganu (30.3 peratus), Setiu (27.7 peratus), Dungun (20.2 peratus), Kemaman (17.8 peratus), Kuala Terengganu (14.3 peratus), Marang (13.3 peratus) dan Kuala Nerus (8.9 peratus).

Mengulas lanjut, Mohd Uzir berharap pelaksanaan Banci Pertanian 2024 di Terengganu terus mendapat komitmen dan kerjasama penduduk serta pengusaha perniagaan yang terlibat dengan aktiviti pertanian sepanjang tempoh ia dijalankan bermula 7 Julai hingga 10 Oktober ini.

Menurutnya, orang awam tidak perlu bimbang untuk berkongsi maklumat kerana keberhasilan tersebut dijamin sebagaimana termaktub di bawah Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989).

"Pengumpulan data yang sahih ini penting bagi menghasilkan data pertanian komprehensif dan menjadi penanda aras baharu untuk mewujudkan pangkalan data pertanian negara," katanya.



Mohd Uzir (tengah) melawat tanaman melon manis sempena lawatan Pengoperasian dan Pemantauan Banci Pertanian 2024 di Kampung Tok Dor pada Ahad.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/08/2024	HARIAN METRO	BISNES	23

Usahawan melon manis



KETUA Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin (tengah) bersama Pengarah Pertanian Terengganu, Datuk Zulkepli Amin Mat Jusoh (kiri) melawat tanaman melon manis sempena lawatan Pengoperasian dan Pemantauan Banci Pertanian 2024 di Kampung Tok Dor, Besut, semalam.

Pasang 5,000 CCTV

ITMAX System Bhd peroleh kontrak RM539 juta daripada DBKL

Bernama

Kuala Lumpur

ITMAX System Bhd memperoleh kontrak RM539 juta daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk memasang sistem pengawasan video yang dipertingkatkan dengan kecerdasan buatan (AI) di seluruh bandar raya.

Di bawah kontrak ini, ITMAX berkata, ia akan memasang 5,000 kamera litar tertutup untuk melengkapi infrastruktur pengawasan video sedia ada di Kuala Lumpur yang akan dilengkapi dengan keupayaan AI termaju untuk analisis masa nyata, pemantauan keselamatan

yang dipertingkatkan dan pengurusan bandar raya.

Kontrak 10 tahun itu merangkumi fasa pemasangan selama setahun diikuti dengan fasa langganan sembilan tahun, katanya.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, William Tan Wei Lun dalam satu kenyataan baru-baru ini berkata, keupayaan AI termaju syarikat

itu akan memberikan ce-
rapan dan analitik masa
nyata untuk menyokong
majlis bandar raya dalam
mengoptimumkan pengur-
usan bandar raya itu.

“Menerusi pengemban-
gan ini, sistem pengawa-
san video kami kini akan
merangkumi 10,000 unit
pengawasan pintar, disam-
bungkan dengan lancar
melalui infrastruktur
rangkaiannya gentian optik di

seluruh Kuala Lumpur.

“Kami menjangka ada
permintaan berterusan
dan meningkat bagi penye-
lesaian pengawasan dido-
rong AI yang komprehen-
sif dan kami percaya ia me-
ningkatkan keselamatan
awam dengan ketara serta
meningkatkan kualiti hi-
dup keseluruhan di bandar
raya ini,” katanya.

ITMAX terbabit teruta-
ma dalam perniagaan
pembekalan, pemasangan
dan penyediaan sistem
rangkaiannya ruang awam,
memfokuskan pada sistem
lampu rangkaian dan sis-
tem pengurusan trafik,
serta menyediakan kemu-
dahan rangkaian, terma-
suk pengawasan video dan
perkhidmatan rangkaian
komunikasi.

**“Menerusi pengembangan ini, sistem
pengawasan video kami kini akan
merangkumi 10,000 unit pengawasan
pintar, disambungkan dengan lancar
melalui infrastruktur rangkaian gentian
optik di seluruh Kuala Lumpur”**

William Tan Wei Lun